



Headline: 'Rompakan dalam talian semakin membimbangkan'  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 2 January 2021

Language: Malay  
Section: Rencana  
Page: 12

# 'Rompakan dalam talian semakin membimbangkan'

Apabila membicarakan isu rompakan dan kecurian, pastinya perkara pertama terlintas di fikiran kita adalah mengenai jenayah kekerasan yang membabitkan senjata atau tumpahan darah. Itu gambaran biasa rompakan selama ini. Namun kini, wujud pula rompakan norma baharu membabitkan penipuan dalam talian. Walaupun tanpa senjata, rompakan ini tidak kurang berbahaya kerana nilai kerugian yang dialami mangsanya cukup tinggi.

Rasanya ramai antara kita pernah mendengar kes sebegini. Antara contoh seorang pesara guru di Limbang, Sarawak kerugian RM516,457 selepas diperdaya 'scammer' atau penipu yang menyamar sebagai pegawai Telekom Malaysia (TM). Seorang guru di Klang, Selangor pula kerugian hampir RM1.14 juta selepas terpedaya dengan panggilan seorang individu yang menyamar sebagai pegawai polis.



Syamsyul Samsudin

Dalam kes lain di Pontian, Johor seorang guru berusia 60-an kerugian RM2.9 juta akibat ditipu menerusi panggilan telefon daripada individu yang menyamar pegawai bank.

Jika dilihat contoh kes ini, semua mangsa terdiri mereka dalam kelompok terpelajar. Bukan sahaja penjawat awam, tetapi meliputi pelbagai kategori termasuk pesara, pekerja swasta dan kalangan profesional.

Kenapa mereka masih tertipu dengan taktik digunakan scammer? Nilai 'rompakan' pula bukan sedikit, sebaliknya mencecah ratusan ribu dan jutaan ringgit.

Perkara sebegini yang mengundang kebimbangan ramai. Jika tidak dibendung, pastinya lebih ramai yang akan menjadi mangsa rompakan norma baharu ini.



Realitinya, penipuan dalam talian atau lebih dikenali scammer bukan hanya berlaku di Malaysia, malah seluruh dunia.

Menurut Pengerusi Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Syed Zaid Albar, aktiviti penipuan dalam talian semakin berleluasa kebelakangan ini dengan laporan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan RM769 juta kerugian hasil penipuan dalam talian pada 2019 dan RM914 juta lagi pada 2020.

Nilai kerugian ini antara tertinggi pernah dicatatkan negara, tidak termasuk penipuan dalam talian yang menjadi kontroversi, iaitu 'Macau Scam'.

Penipuan Macau Scam sahaja membabitkan hampir RM80 juta meliputi 730 akaun bank. Yang jelas, hal ini amat membimbangkan jika terus berleluasa.

Pakar Kriminologi, Prof Dr Geshina Ayu Mat Saat, menyatakan tiga punca utama menyebabkan orang ramai mudah ditipu scammer.



Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM merekodkan RM769 juta kerugian hasil penipuan dalam talian pada 2019 dan RM914 juta pada 2020.

**Yang jelas, pelbagai modus operandi digunakan penjenayah termasuk menyamar sebagai pegawai yang mempunyai autoriti serta mampu menimbulkan rasa was-was, panik serta keinginan terhadap mangsa untuk membela diri atau mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang.**

Pertama, sikap tidak peduli untuk membaca, mempelajari dan mengetahui kehalusan taktik pancingan penjenayah ketika menjalankan penipuan.

Kedua, faktor kebijaksanaan dan kelicikan scammer serta ketiga yang menjadikan sukar bagi pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah kolar putih ini iaitu pembabitan beberapa individu dalam kalangan pegawai penguat kuasa.

Yang jelas, pelbagai modus operandi digunakan penjenayah termasuk menyamar sebagai pegawai yang mempunyai autoriti serta mampu menimbulkan rasa was-was, panik serta keinginan terhadap mangsa untuk membela diri atau mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang.

PDRM sendiri sudah banyak kali menghuraikan modus operasi yang digunakan penipu seperti melalui cabutan bertuah, menyamar sebagai pegawai polis atau penjawat awam, menyamar sebagai pegawai bank atau penculik.

Namun persoalannya, kenapakah

masih ramai rakyat di negara kita ditipu? Mustahil golongan ini tidak mengetahui taktik digunakan kerana sebaran dilakukan sudah begitu meluas termasuk melalui media massa dan saluran dalam talian.

Realitinya, kajian menunjukkan sindiket penipuan dalam talian ini sememangnya arif mengenai sifat kemanusiaan mangsa yang disasarkan mereka. Mereka tahu apa perlu dilakukan untuk mempengaruhi tindak tanduk mangsa.

Selain itu, faktor mengapa masyarakat mudah tertipu dengan sindiket ialah kewibawaan dan kesahihan ditunjukkan penipu dengan menggunakan aspek tindak balas viseral yang membuatkan mangsa bertindak tanpa berfikir terlebih dahulu.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Zakaria Ahmad, mengesahkan golongan yang menjadi mangsa scammer bukan calang-calang orang.

Lantas, untuk membendung kegiatan 'rompakan' norma baharu ini, pihak berautoriti perlu memperketatkan penguatkuasaan dan tindakan.

Seksyen 420 Kanun Keseksaan wajar dimanfaatkan sebaik mungkin untuk memberi pengajaran kepada semua penjenayah 'rompakan' norma baharu ini.

Melalui akta ini, individu yang disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak kurang satu tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan hukuman sebat dan boleh juga dikenakan denda.

Hakikatnya, jika tindakan tegas diambil, sedikit sebanyak ia memberi kekusaran dan rasa gentar kepada sindiket untuk terus memperdaya orang ramai.

Bank Negara Malaysia (BNM) sendiri menasihatkan masyarakat supaya sentiasa berwaspada mengenai aktiviti scammer sama ada penipuan membatalkan urus niaga kad kredit, helah panggilan telefon, penipuan pinjaman bank, skim penipuan ponzi, skim cepat kaya, mahupun penipuan black money.

Pada masa sama, PDRM memberi pendidikan kepada orang ramai mengenai bahaya penipuan sindiket supaya orang ramai jangan lalai dan mudah mendedahkan maklumat peribadi terutama nombor akaun bank kepada orang lain.

Dinasihatkan juga supaya kerap mengemas kini atau mengubah kawalan keselamatan pada komputer peribadi dan laman web urus niaga kewangan.

Bagi melindungi masyarakat daripada scammer juga, PDRM menerusi JSJK membangunkan portal dan aplikasi semakan akaun penipu iaitu Semak Mule CCID.

Dengan usaha ini diharapkan ia dapat membantu melindungi masyarakat daripada menjadi mangsa 'rompakan' penjenayah dalam talian.

**Penulis adalah** Koordinator Program (Ijazah Kewangan dan Pelaburan) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor